

Malaysia baru saja merayakan Hari Wanita peringkat kebangsaan yang disambut pada setiap 25 Ogos. Sambutannya bertujuan memberi pengiktirafan khusus terhadap peranan setiap wanita di dalam negara ini dengan mengemakan keupayaan mereka supaya terus lantang dan yakin.

Pada tahun ini, sambutan Hari Wanita bertemakan 'Raikan Kegemilangan'. Tema ini memberi pengiktirafan terhadap segala sumbangan wanita dalam pembangunan dan kemajuan negara. Pada masa sama, ia memberi pendedahan kepada semua lapisan masyarakat mengenai isu dan cabaran dilalui wanita di negara ini.

Tidak dapat dinafikan, sumbangan wanita memang besar dan mencabar. Golongan wanita kini bukan hanya duduk di rumah, malah ramai sudah berkerjaya dan mempunyai tahap pendidikan tinggi. Dalam era kemajuan masa kini, wanita di Malaysia berpotensi menjadi sumber pembangunan dalam pelbagai bidang sama ada pendidikan, sosial, ekonomi, politik dan lain-lain lagi.

#### Hak wanita

Berpegang kepada hakikat ini, pada tahun 1989, kerajaan menggubal satu dasar berkaitan wanita iaitu Dasar Wanita Negara yang mengiktiraf hak wanita Malaysia.

Dasar ini mendukung cita-cita negara dan Perlembagaan Persekutuan bagi menjamin kedaulatan, kemakmuran, keadilan, kebebasan dan hak asasi manusia terutamanya golongan wanita.

Dasar itu juga memberi panduan dan hala tuju dalam semua aspek perancangan serta pelaksanaan program pembangunan negara, khususnya membabitkan wanita sama ada secara langsung ataupun tidak, tanpa diskriminasi.

Wanita Malaysia beruntung kerana hak mereka tidak dipandang remeh oleh kerajaan. Penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) pada tahun 2001, bukti jelas bagi menjamin kebajikan dan kesejahteraan mereka dalam negara kita.

Di Malaysia, wanita sudah mendapat segala hak utama seperti yang mereka kehendaki, sama ada dari segi peluang pekerjaan, bidang ekonomi, pemilikan harta, hak bersuara, perlindungan perundangan dan sebagainya.

#### Perlindungan undang-undang

Dari sudut perlindungan perundangan misalnya, pelbagai jenis undang-undang sudah diwujudkan khusus untuk melindungi dan menjamin hak wanita Malaysia.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) misalnya, diluluskan oleh Parlimen pada 19 Mei 1994 dan diwartakan sebagai undang-undang pada 7 Julai 1994, khusus untuk melindungi serta menjamin keselamatan wanita dalam sesebuah institusi rumah tangga.

Akta ini sudah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1996. Falsafah di sebalik Akta 521 ini adalah untuk membendung kecenderungan menggunakan keganasan rumah tangga sebagai alat untuk menyelesaikan masalah rumah tangga dan memelihara kesejahteraan dalam sesebuah keluarga.

» Aspek perlindungan, kebajikan sudah termaktub baik tetapi perlu penambahbaikan perundangan



Golongan fakir miskin wajar diberi perhatian.

## Hak wanita sentiasa kekal terjamin

Pada tahun 2012, kerajaan melakukan pindaan terhadap Akta 521 dengan menjadikan penderaan psikologi sebagai salah satu bentuk penderaan terhadap mangsa wanita dalam sesebuah rumah tangga.

Untuk mengatasi masalah gangguan seksual di tempat kerja pula yang banyak membabitkan mangsa wanita, pelbagai peraturan sudah diwujudkan bagi melindungi hak wanita dalam sektor pekerjaan. Untuk penjawat awam, kerajaan mewujudkan Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan) 2002 yang mana Peraturan 4A (1) memperuntukkan bahawa seseorang pegawai awam dilarang melakukan gangguan seksual.

Pada tahun 2005, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memperkenalkan satu pekeliling untuk penjawat awam iaitu Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual Di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam. Garis panduan gangguan seksual yang pertama diperkenalkan untuk kakitangan awam di seluruh negara itu bertujuan sebagai satu peringatan mengenai salah laku gangguan seksual di tempat kerja.

#### Akta diperincikan

Pada hujung tahun 2012, satu usul dikemukakan bagi menguatkuasakan peraturan melarang ahli Parlimen daripada mengeluarkan sebarang kenyataan yang berunsur seksisme.

Disebabkan masalah gangguan seksual yang meluas bukan saja tertumpu dalam kalangan kakitangan wanita di jabatan perkhidmatan awam, Kementerian Sumber Manusia mengambil inisiatif melancarkan Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja pada tahun 1999. Kod ini khusus untuk mengendalikan

masalah terbabit dalam kalangan pekerja sektor swasta di Malaysia.

Bermula 1 April 2012, Pindaan Akta Kerja 1955 (Akta 265) memasukkan satu bahagian baharu, khusus untuk mengendalikan kes gangguan seksual di tempat kerja iaitu Bahagian XV (Seksyen 81A sehingga 81G).

Kakitangan yang berhadapan masalah gangguan seksual di tempat kerja akan dilindungi apabila majikan diwajibkan menyiasat aduan berhubung kes berkenaan melalui pindaan Akta 265 terbabit.

Seterusnya, pada tahun 2007, Parlimen meluluskan satu seksyen baharu di dalam Kanun Keseksaan (Akta 574) bagi melindungi wanita daripada jenayah berunsur seksual seperti rogol.

Seksyen 375A Kanun Keseksaan yang kini sudah diwartakan memperuntukkan bahawa 'mana-mana lelaki sepanjang perkahwinan yang sah didapati mendatangkan kecederaan atau ketakutan mati atau cedera kepada isterinya atau orang lain dalam usaha mendapatkan hubungan seks dengan isterinya boleh dihukum penjara untuk tempoh sehingga lima tahun'.

Satu lagi perincian dimasukkan ke dalam Akta 574 terbabit dengan memperkenalkan Seksyen 375 (f) iaitu kategori baharu, membabitkan orang yang diberikan amanah dan kepercayaan oleh seseorang wanita, misalnya majikan tetapi menyalahgunakan kepercayaan diberi untuk mendapatkan kepuasan seksnya.

#### Banyak lagi isu

Semua undang-undang dan peruntukkan itu jelas menunjukkan, kerajaan amat komited dalam hal melindungi wanita. Pada proses pembentangan Bajet Belanjawan Negara 2014, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib

Tun Razak mencadangkan kepada majikan di Malaysia untuk mengadakan Skim Aturan Kerja Fleksibel (FWA) yang memberi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu berada di tempat bekerja terutamanya kepada wanita.

Ia akan dilaksanakan dalam bentuk seperti minggu kerja dipadatkan atau kerja hujung minggu. Skim terbabit wajar disambut dan dilaksanakan oleh seluruh majikan di sektor kerajaan mahupun swasta. Tujuannya bagi menarik lebih ramai pekerja wanita terus menyumbang tenaga dalam pasaran kerja di dalam negara.

Walaupun aspek perlindungan dan kebajikan khusus terhadap hak wanita sudah jelas termaktub dengan baik, penambahbaikan dari sudut perundangan serta kebajikan terhadap golongan ini perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Ia bagi memastikan kesejahteraan wanita dalam negara sentiasa kekal terpelihara pada setiap masa.

Banyak lagi isu semasa yang memerlukan pemerhatian pihak berkaitan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan wanita kekal terjaga terutamanya dari sudut undang-undang jenayah dan undang-undang kekeluargaan.

Pelbagai usaha perlu juga dilakukan bagi terus membantu wanita, terutama golongan orang kurang upaya (OKU) wanita, ibu tunggal, golongan gelandangan wanita, fakir miskin dan mangsa penderaan bagi memastikan hak mereka untuk memiliki penghidupan lebih baik dalam negara terjamin.



DR MUZAFFAR SYAH MALLOW